

Newspaper	Harakah
Date	22/10/2012

Najib perlu belajar 'integriti' daripada Pakatan Rakyat

Harakah - 22/10/2012

Oleh SAFAR JUMAAT

APAKAH tidak ada rasa malu kerajaan negeri-negeri yang diperintah Umno-BN, apabila dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2011 memberi pengiktirafan sebagai "penarafan yang baik dan memuaskan" bagi Kedah, Pulau Pinang dan Selangor?

Walaupun Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang tidak menyebut kerajaan negeri-negeri di bawah pemerintahan BN perlu belajar dari kerajaan negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat, tetapi, tafsirannya begitulah!

Putrajaya sebenarnya tidak pernah mengambil hirau LKAN selama ini. Mereka akan jadikan laporan itu sebagai "bahan bagi menunjukkan" kerajaan telus dan tidak ada apa-apa yang mahu disembunyikan.

Ini sebenarnya bukan isu telus atau mahu menyembunyikan sesuatu, tetapi, perubahan yang sepatutnya diperbaiki agar kesilapan serupa tidak berulang dan terus dilakukan tanpa apa-apa tindakan!

Ketua Audit Negara sudah membentangkan. Kita tunggu, ada atau tidak NGO yang selama ini memperlihatkan mereka "mencari ketelusan" membuat laporan polis, minta siasatan dijalankan terhadap ketirisan dan penyelewengan yang didedahkan?

Ingat, berdasarkan LKAN lah, NFC diasas dan kini dalam proses pendakwaan. Inisiatif siapakah yang menyebabkan segala-galanya terbongkar jika bukan dari suara lantang KeADILan, PAS dan DAP!

Mana NGO yang selama ini diwujudkan kononnya menentang segala penyelewengan? Di sini, bolehlah ditafsirkan mereka yang "boncet perutnya" bangkit berkali-kali menjerit atas nama NGO bebas, diupah supaya menyerang satu-satu isu, termasuk isu Suaram dan kes Scorpene, diupah untuk berbuat demikian.

"Mereka cari makan," kata seorang tukang sapu sampah di sebuah kompleks membeli belah berhampiran dengan Ibu Pejabat Umno Malaysia.

Jika mereka bersongkok tinggi, bercakap dengan nada suara yang tinggi dan berlagak hidung tinggi, belum tentu mempunyai ketinggian hati budi dan keperibadian di dalam menyatakan kebenaran.

Rakyat kini mempunyai alasan kukuh untuk memberi sokongan mereka kepada Pakatan dalam pilihan raya akan datang, jika LKAN ini dijadikan panduan.

Tidak ada sebab untuk rakyat mempertikaikan "puji-pujian" yang diberikan oleh LKAN itu, kerana ia dibuat oleh "badan bebas yang selama ini" memang menjalankan tugas-tugas pengauditan Kementerian, agensi-agensi kerajaan dan GLC.

Bayangkan, dari 47 GLC, hanya 23 yang dilaporkan mendapat keuntungan sebelum cukai. Dari 23 yang mencatatkan keuntungan sebelum cukai, hanya 10 sahaja yang membayar dividen kepada kerajaan.

Itulah sebabnya, terdapat RM147 bilion tunggakan dividen dari GLC sejak 2008 hingga 2010.

Apa peranan kerajaan dalam hal ini? Mengapa mereka (kerajaan) gagal mengutip dividen? Kenapa masih menyimpan CEO dan Pengerusi GLC yang "tidak amanah" ini selepas mereka gagal, berdasarkan LKAN ini?

Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelbagai cadangan dan pembangunan dalam Bajet 202 dan 2013.

Malangnya, penangguhan yang berlaku dalam pembinaan Jabatan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu telah menyebabkan peningkatan kos berjumlah RM34.76 juta (24.3 peratus) dari harga asalnya, RM143 juta dan kini menjadi RM177.76 juta.

Agensi-agensi kerajaan negeri di bawah pemerintahan BN perlu melihat dengan lapang dada apabila terdapat 10 agensi

kerajaan negeri Kelantan diberi pujian "empat bintang" dan 10 lagi pujian dengan "3 bintang".

Malahan, GLC yang gagal membuat untung dan telah menerima teguran sepatutnya "belajar kelas malam" dengan agensi di bawah kerajaan Kelantan, supaya mereka tidak terus "gagal membayar dividen" dan rugi yang berpanjangan.

Ramai juga yang bertanya, kenapa dalam LKAN kali ini, tidak langsung ada laporan mengenai NFC dan MRT?

Itulah sebabnya, ramai yang dibentangkan kepada umum selepas pembentangan Bajet 2013, hujung bulan lalu.

Apakah ada benda dan perkara yang BN mahu sorokkan dari menjadi topik perbincangan umum atau, ada masalah lain?

Lebih menyedihkan dari 301 Pejabat Persekutuan yang diaudit hanya 91 atau 30.2 peratus sahaja yang disahkan mematuhi semua prosedur kewangan manakala 210 masih melakukan kesilapan.

Hari ini, media arus perdana yang dikongkong BN terus memberi pujian kepada mana-mana Kementerian yang terlepas teguran dari LKAN ini dan dalam masa yang sama, memperbesarkan isu-isu kerugian Unisel yang terletak di bawah kerajaan Selangor.

Namun, Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim sudah memberi penjelasan, Unisel tiada melakukan audit dalaman sebelum 2008 (ketika kerajaan Selangor di bawah pemerintahan BN).

Kata Menteri Besar, semua masalah yang ditimbulkan sudah diperbetulkan termasuk menambah jumlah pelajar dari 9,902 orang kini menjadi 11,880 pelajar.

BN selesa setiap kali laporan audit dibentangkan kerana mereka tahu Ketua Audit Negara tidak ada kuasa membuat pendakwaan.

Maka, selama-lamanya, mereka akan melayan "laporan audit" ini dengan kata-kata, kerajaan telus dan tidak menyembunyikan apa-apa. Hakikat sebenarnya, kerajaan mengalami pelbagai kerugian akibat ketirisan dan ketidak cekapan mereka mentadbir.

Jelas, kerajaan negeri-negeri yang dipimpin Pakatan Rakyat membuktikan kemampuan, kopotensi dan akauntabiliti.

Berbanding dengan kerajaan negeri-negeri yang di bawah BN, mereka tidak pernah berasa malu melakukan kesilapan urus tadbir dan akan menggunakan ayat serupa "kami tidak ada apa yang mahu disembunyikan" sebagai pemanis mulut bila menyentuh kerugian, ketirisan, kesilapan dan penyelewengan yang berlaku.

Ramai juga yang hairan mengapa isu PTPTN tidak menjadi "laporan audit" kali ini.

Indah Water Konsortium (IWK) dan Rangkaian Pengangkutan Deras (RapidKL) dilaporkan rugi lebih RM1 bilion.

Bukankah lebih baik bagi kerajaan yang sedang memerintah sekarang, kurangkan perancangan pembangunan mewah dengan tujuan memberi keuntungan kepada kroni, sebaliknya memberi tumpuan memperbetulkan kesilapan yang lalu, bagi mengurangkan kerugian?

Janganlah mereka cuba "terus berselindung" dari laporan yang lunak, kononnya mereka bersih, kerana belum tahu "wajah yang manis" menggambarkan tidak ada penyakit yang mereka sedang hidapi.

Apa yang berlaku kepada NFC sebagai contoh, apabila LKAN yang lalu menyebut bahawa tidak munasabah jumlah lembu dengan wang kerajaan yang disalurkan, rupa-rupanya mendedahkan banyak "pekung" termasuklah pembelian kondominium dan pelbagai pelaburan tiada kaitan dengan "lembu".